

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

OLEH

FADZILAH BINTI JAMALUDDIN

Sarjana Muda Pengurusan
(Polisi dan Sekitaran Sosial)

Laporan Latihan Industri Diserah Kepada

Jabatan Ekologi Sosial
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2005

0/3343

1100045434

Perpustakaan
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)



L115 FPE 1 2005



1100045434

Laporan akhir latihan industri di Industri di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Kementerian Pertahanan Malaysia / Fadzilah Jamaludin.

PERPUSTAKAAN

PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

21050 KULAI TERENGGANU

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

LF
15
SPE
1
2005

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**

OLEH

FADZILLAH BINTI JAMALUDIN
Sarjana Muda Pengurusan
(Polisi dan Sekitaran Sosial)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Ekologi Sosial
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2005

1100045434

Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya **FADZILLAH BINTI JAMALUDIN (UK 8516)** mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan



Nama: FADZILLAH BINTI JAMALUDIN

Nombor Matrik: UK 8516

Tarikh: 14 NOVEMBER 2005

Disahkan oleh:



PUAN ROSLINA BINTI ISMAIL
Penyelia KUSTEM
b/p Pengurus Latihan Industri
Fakulti Pengurusan Ekonomi
KUSTEM

PENGHARGAAN

Di dalam penghargaan ini, saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnianya saya telah dapat menyiapkan satu laporan penuh berkenaan dengan Latihan Industri yang telah saya jalani di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Pertahanan Malaysia. Pelbagai pengalaman yang menarik telah saya timba yang pastinya tidak dapat saya lupakan.

Setinggi ucapan terima kasih di tujuhan kepada kedua ibu dan bapa saya, yang yang selama ini tidak pernah jemu memberi galakan untuk saya meneruskan pengajian sehingga peringkat yang lebih tinggi lagi.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua kakitangan di bahagian Sel Pengambilan terutamanya Encik Hasbullah Bin Abd Samat selaku Penyelia Industri yang banyak memberi tunjuk ajar dan pendedahan sebenar mengenai alam pekerjaan di sektor kerajaan ini.

Ucapan terima kasih ini juga ingin saya tujuhan kepada penyelia industri KUSTEM iaitu Puan Roslina Binti Ismail yang sentiasa memberi bimbingan dalam penyediaan laporan akhir ini. Akhir sekali, ucapan terima kasih ini saya tujuhan kepada semua rakan seperjuangan yang sentiasa bersama tika senang dan susah. Kenangan berada di Kementerian Pertahanan akan sentiasa terpahat di dalam ingatan.

Sekian, terima kasih.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan Industri adalah teras program iaitu kepada program-program pengajian di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) umumnya manakala adalah wajib bagi program Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial khususnya. Keperluan untuk bergraduat seseorang pelajar perlu menjalani Latihan Industri dan merupakan enam jam kredit. Latihan Industri adalah merupakan penempatan pelajar di dalam industri. Latihan Industri yang telah pelatih jalani adalah di Kementerian Pertahanan Malaysia. Pelatih menjalani latihan ini selama 12 minggu bermula 23 Mac 2005 yang lalu. Pelatih telah menjalani Latihan Industri di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Kementerian Pertahanan bersesuaian dengan jurusan bidang yang diikuti di universiti.

Secara amnya, Latihan Industri ini mempunyai objektif yang dapat membantu kedua-dua pihak iaitu pelatih dan organisasi yang telah dipilih untuk menjalani Latihan Industri. Antaranya ialah pelatih dapat menimba pengalaman dan kemahiran yang baru untuk mengaplikasikan di alam pekerjaan kelak. Laporan ini akan berkisar tentang Kementerian Pertahanan Malaysia. Kementerian Pertahanan merupakan kementerian yang menguruskan hal ehwal berkenaan dengan keselamatan negara dan hubungan antarabangsa. Menteri Pertahanan kini di sandang oleh Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, merangkap Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Kementerian ini merupakan satu-satunya kementerian yang mempunyai dua komponen pekerja iaitu komponen sektor awam dan tentera, sistem yang sedia ada di Kementerian ini dan mengenal pasti kekangan yang berlaku sama ada kekangan dalaman dan juga kekangan dari segi luarannya. Pelatih juga turut mengupas dengan lebih lanjut tentang cadangan untuk mengatasi kekangan yang dialami. Cara mengaplikasi cadangan dan juga impak disebalik cadangan pelatih juga cuba dikupas dalam laporan ini.

Latihan Industri ini dapat memberi pengalaman dan kemahiran yang ingin dipelajari oleh pelatih.